

**Teks Ucapan  
YAB Datuk Hj Sulaiman Bin Md Ali  
Ketua Menteri Melaka  
Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-19/ 2020  
Majlis Bekas Wakil-Wakil Rakyat (MUBARAK)  
Negeri Melaka  
14 Mac 2020 (Sabtu), Jam 10.00 Pagi  
Dewan Usahawan MUBARAK  
No. 9 Jalan Sd 2/10, Taman Seri Duyong Seksyen 2  
(Wakil: YB Rahmad Mariman)**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang saya hormati Saudara Pengacara Majlis;**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dr Aziz Rahman,  
Presiden MUBARAK Malaysia;**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Hj. Jaafar Lajis  
Naib Presiden MUBARAK Malaysia;**

**Barisan Ahli Majlis Tertinggi MUBARAK Malaysia;**

**Yang Berbahagia Datuk Nazari Adzim,  
Yang Dipertua MUBARAK Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Dr Abu Seman,  
Yusop, Timbalan Yang diPertua MUBARAK Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Lim Soo Kiang,  
Naib Yang diPertua MUBARAK Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Hj Mddi Bin Hj Ibarahim,  
Setiausaha MUBARAK Negeri Melaka;**

**Serta Barisan Jawatankuasa MUBARAK Negeri Melaka;**

**Datuk-datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian;**

## **Pendahuluan**

- 1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, izin serta kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam Dewan Usahawan MUBARAK pada pagi yang permai ini sempena Mesyuarat Agung MUBARAK Negeri Melaka Kali Ke-19.**
  
- 2. Bagi pihak YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Sulaiman Md Ali, saya mengambil kesempatan ini**

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas ingatan MUBARAK Melaka kerana menjemput saya merasmikan majlis pada pagi ini.

3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Nazari dan barisan jawatankuasanya yang telah berjaya merancang dan mengelolakan mesyuarat agung ini dengan jayanya.

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

## **Mesyuarat Agung MUBARAK**

4. Ini merupakan program pertama saya bersama MUBARAK negeri dan saya begitu mengambil berat akan kebijakan bekas-bekas pemimpin masyarakat yang amat saya hormati dan kagumi.
  
5. Seperti kata pepatah, *tiada yang lama, maka tiadalah yang baru.* Walaupun sebahagian besar ahli dalam

keadaan uzur, kerana masalah kesihatan dan faktor usia, namun saya lihat MUBARAK Negeri Melaka begitu gigih berjuang dengan moto “terus berkhidmat” membela nasib ahli-ahli di samping memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap kerajaan dan kepimpinan negeri Melaka yang ada hari ini.

6. Hubungan erat dalam kalangan ahli MUBARAK boleh diibaratkan seperti adik-beradik, saling berganding bahu dan membantu antara satu sama lain bagi memastikan

aktiviti - aktiviti kemasyarakatan dapat terus dilaksana sekali gus membantu kerajaan negeri dalam segala aspek yang diperlukan.

7. Saya difahamkan keahlian MUBARAK terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara. Walau bagaimanapun, keahlian ini bukan automatik dan kebanyakannya bekas Wakil Rakyat kurang berminat menyertai MUBARAK mungkin disebabkan perbezaan fahaman politik sedangkan MUBARAK

**bergerak sebagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan tidak pernah berpihak kepada mana-mana parti.**

**8. Justeru, suka untuk saya mencadangkan agar barisan jawatankuasa yang ada untuk berkempen dalam kalangan bekas-bekas Wakil Rakyat atau pasangan mereka (ahli bersekutu) bagi menambah ahli dan memperkasa MUBARAK negeri Melaka.**

**9. Bersempena dengan Mesyuarat Agung MUBARAK Negeri bagi kali ke-19 ini, saya berharap agar jawatankuasa yang dipilih dapat menjalankan tugas dengan lebih pro aktif membantu kebajikan ahli dan juga rakyat di negeri Melaka.**

**Hadirin Hadirat yang saya hormati;**

## **Penutup**

10. Akhir kata, marilah bersama-sama kita membina perpaduan yang utuh dan membangunkan negeri Melaka yang kita cintai ini sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi demi kelestarian rakyat berbilang kaum dan generasi pada masa hadapan.

11. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, sukacita dan bangga

**merasmikan Mesyuarat Agung MUBARAK Negeri Melaka  
Kali ke-19 bagi tahun 2020.**

**Sekian.**

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-Tamat-